

PM: Mereka caci pemimpin apabila hadapi masalah

Warganegara

BH 17 JUL 1987

ketika senang

Oleh SAODAH ELIAS
— dan S.SIVARAMAN —

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur sikap segelintir rakyat yang cuma menjadi "warganegara ketika iklim negara baik", tetapi mencari kesilapan pemimpin dan dasar kerajaan, sewaktu negara menghadapi masalah kemelesetan ekonomi.

Katanya, golongan yang mudah panik dan bertindak membuta-tuli ketika menghadapi sesuatu tekanan, hanya tahu menuduh tanpa membantu menyusun langkah memperbaiki keadaan.

Beliau mengingatkan, jika golongan itu tidak mahu mengubah sikap, mereka juga tidak harus marah jika ketaatan mereka kepada negara "dipersoalkan".

Merasmikan Perhimpunan Perwakilan Parti Gerakan ke-16 di sini, Datuk Seri Dr Mahathir menyangkal khabar-khabar angin yang disebarkan oleh sesetengah pihak bahawa keadaan ekonomi negara semakin buruk.

Katanya, rakyat sepatutnya meneliti beberapa fakta jitu mengenai ekonomi negara sebelum mempercayai berita rekaan yang sengaja disebarkan oleh anasir antinasional.

"Umpamanya, rizab antara-

bangsa Bank Negara tahun lalu meningkat ke tahap paling tinggi sejak merdeka, iaitu \$16,358 juta atau bersamaan dengan keupayaan menampung import selama 7.1 bulan.

"Pada akhir tahun 1985, rizab antara-bangsa negara hanya mampu menampung import lima bulan sahaja, malah pada suatu masa ia turun sehingga bersamaan kira-kira 3.5 bulan import sahaja.

"Imbangan pembayaran negara tahun lalu juga mencatatkan rekod paling tinggi, iaitu lebih \$4,131 juta berbanding \$922 pada tahun sebelumnya," katanya.

Perdana Menteri bangga kerana perkembangan akhir-akhir ini menunjukkan harga barangan utama negara mula meningkat dan keyakinan pelaburan sama ada dari dalam atau luar negeri semakin menggalakkan.

Katanya, kerajaan juga sudah menetapkan dua strategi utama bagi memperbaiki ekonomi berikutan bahan mentah yang kurang laris, iaitu mengurangkan kos pengeluaran bahan berkenaan dan memberi tumpuan kepada bidang pembuatan.